

Kepemimpinan Ismail Sabri berdepan cabaran lebih kompleks

BH - 28/8/2021 m/s: 10

Oleh Muhammad Ariff Asyul Adnan
bhrencana@bh.com.my

Jangkaan tinggi diletakkan kepada kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dalam menguruskan tekanan tiga krisis utama meliputi kesihatan, ekonomi dan politik. Apatah lagi beliau juga sebahagian daripada Kabinet Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika menguruskan gelombang pandemik COVID-19.

Namun, situasi negara kian meruncing akibat peningkatan mendadak kes harian COVID-19, ditambah keadaan ekonomi tidak begitu membaik dan situasi politik bergolak menjadikan kepemimpinan Ismail Sabri berhadapan cabaran lebih kompleks.

Cabaran pertama harus diuruskan adalah soal pembentukan Kabinet yang akan diumumkan minggu ini seperti dijelaskan Perdana Menteri sendiri. Cabaran ini secara asasnya meliputi soal kestabilan kerajaan di bawah kelolaan beliau.

Kestabilan dilihat isu utama kerana kepemimpinan Muhyiddin jatuh disebabkan perkara ini. Ismail Sabri perlu memastikan Kabinet bakal dibentuk memenuhi tuntutan semua parti komponen dalam kerajaan.

Begitu juga perihal calon Timbalan Perdana Menteri akan menjadi sasaran utama setiap parti bagi memastikan kelangsungan untuk terus domini dalam kerajaan. Pada masa sama, beliau perlu memastikan tuntutan bersyarat BERSATU diambil perhatian agar tiada individu sabitan mahkamah dilantik ke dalam Kabinet.

Sesuai dengan ungkapan dermawan Amerika Syarikat (AS), Walter Annenberg, 'kuasa teragung bukanlah kuasa wang, tetapi kuasa politik' - begitu sesuai disinsonimkan situasi politik negara ini. Sekiranya dapat diuruskan dengan baik, potensi krisis politik sama berulang adalah tipis.

Cabaran kedua, Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri kesembilan perlu mewujudkan satu kerangka tadbir urus rasional dan efektif bagi melandaikan lekuk COVID-19. Pengajaran perlu diambil daripada kepemimpinan Muhyiddin lalu, iaitu antara faktor utama mendesak peletakan jawatannya adalah kegagalan menguruskan COVID-19 secara keseluruhan.

Harus diakui, situasi COVID-19 di negara ini pada fasa pertama pengurusannya di bawah Muhyiddin dilihat agak baik. Namun, prestasi tadbir urus mula dilihat goyah khususnya pasca-Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah, ditambah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serentak.

Ia bersamaan pengisytiharan darurat mengundang kontroversi apabila matlamatnya tidak berjaya dicapai yang membawa kepada tiga kemelut utama berkaitan melandaikan lekuk COVID-19, dilema tekanan ekonomi dan politik dari dalam.

Iktibar ini wajar diambil agar kepemimpinan Ismail Sabri mengambil kira pengukuhan dan pe-

nambahbaikan aspek governans dalam kerajaan. Walaupun kadar vaksinasi sudah mencapai tahap baik yakni hampir 70 peratus pada peringkat nasional dan mula memberikan kesan positif, kadar kes harian masih dalam tahap tinggi. Begitu juga kadar kematian menjadikan cabaran ini perlu ditangani segera.

Cabaran ketiga, menjamin kesucian institusi Parlimen. Berkesinambungan daripada proklamasi darurat lalu, peranan institusi Parlimen dilihat seakan kurang signifikan dalam pengurusan pandemik. Apabila darurat diisytiharkan, fungsi Parlimen digantung buat sementara waktu, tetapi boleh bersidang sekiranya Yang di-Pertuan Agong menitahkan keperluan persidangan Parlimen.

Dalam ruang demokrasi, institusi ini dilihat sebagai entiti suci menjamin kelangsungan demokrasi negara. Dengan peranan Parlimen kurang signifikan dalam pengurusan COVID-19, ia menyebabkan beberapa keputusan penting dibuat ketika pemerintahan Perikatan Nasional (PN) lalu dilihat membelakangkan institusi ini.

Pada masa sama, mekanisme semak dan imbang yang menjadi peranan utama Parlimen tidak wujud hingga menimbulkan ketegangan dan tekanan politik khususnya daripada pembangkang. Oleh itu, bagi memastikan keabsahan Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri kesembilan, pada persidangan Parlimen nanti, usul undi percaya perlu dikemukakan.

Hal ini supaya isu berkenaan 'majoriti' tidak lagi timbul dan mampu fokus kepada menyelesaikan pandemik serta krisis ekonomi kian meruncing.

Isu lompat parti juga perlu diberikan penekanan dalam memastikan kesucian institusi Parlimen negara dan mandat diberikan rakyat.

Cabaran keempat, kepemimpinan baharu perlu memastikan pembabitan beliau dalam Kabinet dan pembuat keputusan. Ini antara cabaran dan perkara penting harus dilakukan. Suara beliau harus didengari dan diambil kira.

Kelompok ini juga antara paling dominan di negara ini. Kepesatan maklumat dan kewujudan pelantar media sosial yang banyak juga menyebabkan kadar literasi politik mereka agak baik berbanding generasi sebelum ini.

Idea politik segar dan mesra dengan kelompok

belia perlu dibangunkan. Kita tidak mahu wujud jurang generasi dalam masyarakat terutama berkenaan perkembangan politik. Amalan negara maju seperti Sweden, Finland dan Kanada wajar direnung serta diambil contoh dalam memberikan peluang luas untuk belia terlibat dalam politik dan membentuk nilai baik.

Hakikatnya, kerajaan baik mengambil kira dan mendengar suara serta keluhan rakyat. Justeru, pimpinan Ismail Sabri sebaiknya menumpukan tekanan sedang dihadapi rakyat. Hentikan politik berasaskan permusuhan dan politik bolot semua supaya kita mampu mencipta paradigma baharu.

Jika tidak, laungan 'Perdana Menteri baharu, kerajaan dan nilai politik lama' akan kekal sebagai slogan utama menandakan kekusaran dan ketidakpuasan hati rakyat pada pemerintah.

Walaupun krisis ini memberikan impak besar kepada kelompangan dalam pengalaman politik di negara ini, kita tidak seharusnya berputus asa. Sebaiknya kita harus kekal optimis memandang dari segi kedudukan parti dalam tempoh sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), masing-masing tidak memiliki majoriti selesa.

Demikian, kerjasama rentas parti adalah amalan baharu yang boleh dilakukan. Mekanisme berasaskan Perjanjian Keyakinan dan Bekalan (CSA) boleh dilakukan ketika agenda inisiatif reformasi kembali dibangunkan meliputi pemeraksanaan institusi Parlimen, peranan pembangkang dan pembabitan anak muda.

Ini juga petanda kita mampu membina kematangan politik yang akan memberikan nilai tambah kepada kemajuan dan pembangunan negara serta membina kesepaduan ideologi walaupun berbeza pandangan.

Kepemimpinan baharu kini berhadapan situasi mencabar. Seandainya berjaya mengemudi negara dalam berdepan dengan pandemik COVID-19, ia akan mempengaruhi kelangsungan mereka sebagai pemerintah dalam PRU akan datang.

Justeru, jika cabaran ini mampu ditangani dengan baik, kita bakal melihat nafas baharu idealisme dan amalan politik yang mampu menjadi nadi kepada keutuhan nilai demokrasi, sekali gus berharap agar kemelut politik sama tidak lagi berulang.



Kepemimpinan baharu perlu memastikan pembabitan beliau dalam politik dan pembuat keputusan.

(Foto hiasan)